



**PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

Social Security Organization (PERKESO)

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Tingkat 19, Menara PERKESO, 281, Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

No. Tel : +603 4252 6170 / 03 4264 5479

No. Faks : +603 4256 4987

Talian Khidmat Pelanggan : 1 300 22 8000

Rujukan Kami : PERKESO.600-2/2/3 JLD.3(12)

Tarikh : 12 Jun 2026

YBHG. TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

السلامة عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. Tan Sri.

**AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2026 : SKIM KEMALANGAN
BUKAN BENCANA KERJA (SKBBK) "LINDUNG 24 JAM"**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri sedia maklum, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan melaksanakan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) atau LINDUNG 24 Jam yang menyediakan perlindungan 24 jam bagi kemalangan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan **berkuat kuasa mulai 1 Jun 2026**.

3. Perluasan skim ini dilaksanakan berdasarkan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing pada 2 Disember 2025 dan 18 Disember 2025. Pindaan ini seterusnya telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 23 Februari 2026 dan diwartakan pada 5 Mac 2026 sebagai Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 [Akta A1788]. Dengan pelaksanaan pindaan ini, semua pencarum sedia ada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] diwajibkan untuk mencarum LINDUNG 24 Jam termasuk penjawat awam lantikan kontrak dan sementara.



Ketahui Dunia Keselamatan Sosial Anda
Muat turun aplikasi Prihatin PERKESO



"PERKESO ITU PRIHATIN, PRIHATIN ITU PERKESO"
www.perkeso.gov.my/prihatinapp

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2026 : SKIM KEMALANGAN BUKAN BENCANA KERJA (SKBBK) "LINDUNG 24 JAM"

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri, kadar caruman bagi skim ini adalah 0.75% (fasa pertama) dan ditanggung sepenuhnya oleh pekerja. Manakala bagi majikan, tiada tambahan caruman di bawah skim ini. Pelaksanaan kadar caruman pekerja bagi skim ini akan dibuat secara tiga (3) peringkat (Fasa Pertama : 0.75%, Fasa Kedua : 1.00% dan Fasa Ketiga : 1.25%) melalui pemberitahuan Warta Kerajaan Persekutuan P.U (B) 196/2026 iaitu Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa.

Skim	Caruman Majikan	Caruman Pekerja
Skim Bencana Kerja	1.25%	-
Skim LINDUNG 24 Jam / SKBBK	-	0.75% (Fasa Pertama), 1.00% (Fasa Kedua) atau 1.25% (Fasa Ketiga)
Skim Keilatan	0.50%	0.50%

5. Pihak PERKESO juga telah mengadakan sesi taklimat perluasan skim ini kepada wakil Jabatan Perkhidmatan Awam pada 21 Mei 2026 dan sesi bersama pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bendahari Negeri pada 23 April 2026 dan 30 April 2026 mengenai skop perlindungan skim ini serta tatacara pemotongan caruman bagi semua penjawat awam lantikan kontrak dan sementara. Dalam hal ini, pihak PERKESO bersedia untuk memberikan penerangan kepada mana-mana pihak yang terlibat sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri agar dapat memaklumkan berkenaan pemotongan caruman perluasan skim ini kepada semua Perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan amatlah dihargai. Bersama ini juga disertakan

Ruj. Kami : PERKESO.600-2/2/3 JLD.3(12)

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2026 : SKIM KEMALANGAN BUKAN BENCANA KERJA (SKBBK) "LINDUNG 24 JAM"

Pekeliling Majikan Bilangan 2 Tahun 2026 (Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] Perluasan Perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam, Warta Kerajaan Persekutuan P.U (B) 196/2026 dan Soalan-Soalan Lazim (FAQ) untuk rujukan pihak YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja MADANI Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,

Salam Hormat


(DATO SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED)
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

s.k :

- i. **YBRS. HAJI NASRAN BIN OMAR**
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- ii. **ENCIK AZIRRUAN BIN ARIFIN**
Timbalan Ketua Eksekutif
Operasi
Pertubuhan Keselamatan Sosial
- iii. **CIK JAZLINA BINTI ALIAS**
Ketua Bahagian Caruman dan Penguatkuasaan
Pertubuhan Keselamatan Sosial

"PERKESO Itu Prihatin, Prihatin Itu PERKESO"



PEKELILING MAJIKAN BILANGAN 2 TAHUN 2026
AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4]
PERLUASAN PERLINDUNGAN SKIM LINDUNG 24 JAM

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan memberi penjelasan kepada majikan mengenai pelaksanaan perluasan Skim LINDUNG 24 Jam atau Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) daripada perspektif pendaftaran, caruman dan penguatkuasaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Skim LINDUNG 24 Jam diperkenalkan bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial secara menyeluruh kepada pekerja melalui liputan 24 jam terhadap kemalangan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan, termasuk kemalangan jalan raya.
- 2.2 Kerajaan melalui PERKESO komited untuk memperkukuh jaringan keselamatan sosial pekerja dengan memastikan perlindungan berterusan tanpa mengira sama ada kemalangan tersebut berlaku semasa bekerja atau sebaliknya.
- 2.3 Peluasan ini dilaksana berdasarkan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing pada 2 Disember 2025 dan 18 Disember 2025.

- 2.4 Pindaan ini telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 23 Februari 2026 dan diwartakan pada 5 Mac 2026 sebagai Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 [Akta A1788].

3. PENJELASAN KEPADA MAJIKAN

- 3.1 Semua pekerja yang diliputi di bawah Akta 4 / LINDUNG Pekerja, wajib didaftar dan dicarumkan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam.
- 3.2 Semua pekerja yang diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan hendaklah didaftarkan dan dicarum kepada PERKESO tertakluk kepada had siling gaji RM6,000 sebulan.
- 3.3 Tiada had umur dikenakan bagi perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam. Perlindungan berterusan selagi pekerja masih bekerja, termasuk selepas umur 60 tahun.

4. PENDAFTARAN PEKERJA

- 4.1 Pekerja sedia ada tidak perlu didaftarkan semula kerana pendaftaran adalah mengikut rekod semasa.
- 4.2 Bagi pekerja baharu yang memasuki pekerjaan selepas tarikh kuat kuasa Skim LINDUNG 24 Jam, majikan wajib membuat pendaftaran mengikut kaedah yang ditetapkan oleh PERKESO iaitu Portal ASSIST 2.0.
- 4.3 Bagi pekerja yang mempunyai lebih daripada satu majikan, pekerja hendaklah memilih satu majikan untuk caruman Skim LINDUNG 24 Jam melalui cara yang akan dimaklumkan oleh PERKESO kelak.

5. PEMBAYARAN CARUMAN SKIM LINDUNG 24 JAM

5.1 Dengan berkuatkuasanya perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam, majikan adalah dikehendaki untuk membuat bayaran caruman mengikut Kadar Caruman sebagaimana yang ditetapkan dalam **Lampiran 1** dan **Lampiran 2** (Jadual Ketiga), yang merangkumi syer majikan dan syer pekerja seperti berikut :

a) **Caruman Kategori Pertama** (Skim Bencana Kerja, Skim Keilatan dan Skim LINDUNG 24 Jam / SKBBK) :

Bagi pekerja yang mula memasuki skim PERKESO atau pertama kali dicarum di bawah umur 55 tahun; dan

b) **Caruman Kategori Kedua** (Skim Bencana Kerja dan Skim LINDUNG 24 Jam / SKBBK) :

Bagi pekerja yang telah mencapai 55 tahun ketika mula-mula memasuki skim PERKESO atau pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun dan masih bekerja.

5.2 Kadar caruman bagi Skim LINDUNG 24 Jam / SKBBK adalah **0.75%** dan **ditanggung sepenuhnya oleh pekerja.**

Skim	Majikan	Pekerja
Skim Bencana Kerja	1.25%	–
Skim LINDUNG 24 Jam / SKBBK	–	0.75%
Skim Keilatan	0.50%	0.50%

5.3 Pelaksanaan kadar caruman pekerja bagi Skim LINDUNG 24 Jam / SKBBK akan dibuat secara berperingkat, seperti berikut:

Fasa Pertama : 0.75%
Fasa Kedua : 1.00%
Fasa Ketiga : 1.25%

Pelaksanaan fasa-fasa ini adalah tertakluk kepada ketetapan serta tarikh kuat kuasa yang ditentukan oleh PERKESO dari semasa ke semasa.

- 5.4 Pihak majikan dan pekerja adalah dinasihatkan untuk mengambil maklum perkara ini serta memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap peruntukan undang-undang PERKESO.
- 5.5 Pembayaran caruman boleh dibuat oleh majikan secara dalam talian melalui kemudahan *FPX* atau perbankan Internet mulai bulan carum Jun 2026.
- 5.6 Tarikh akhir pembayaran caruman bagi setiap bulan carum adalah sepertimana sedia ada iaitu sebelum atau pada 15 haribulan bulan berikutnya.
- 5.7 Majikan hendaklah memastikan potongan caruman bagi syer majikan dan syer pekerja direkodkan dalam slip gaji serta diberikan kepada pekerja.
- 5.8 Majikan hendaklah membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam daripada gaji pekerja dan membayarnya kepada PERKESO setiap bulan bagi memastikan perlindungan pekerja tidak terjejas.
- 5.9 PERKESO berhak menuntut tunggakan caruman yang tidak dibayar serta mengenakan faedah caruman lewat bayar (FCLB), termasuk bagi tempoh pekerja telah diberhentikan sekiranya majikan gagal membuat potongan yang diwajibkan semasa tempoh perkhidmatan.
- 5.10 Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan ini merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap majikan, termasuk denda atau hukuman lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4].

6. TARIKH KUATKUASA PELAKSANAAN

Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2026.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Pegawai Khidmat Pelanggan PERKESO melalui e-mel perkeso@perkeso.gov.my atau di talian 1-300-22-8000.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN AZIZ MOHAMMED)
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Tarikh: 28 April 2026

"PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO"

**JADUAL KETIGA : AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4)
CARUMAN KATEGORI PERTAMA
FASA PERTAMA: BAHAGIAN I**

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN		CARUMAN PEKERJA		JUMLAH
		KEILATAN	BENCANA KERJA	KEILATAN	BUKAN BENCANA KERJA	
1.	Gaji hingga RM30	10 sen	30 sen	10 sen	20 sen	70 sen
2.	Apabila gaji melebihi RM30 tetapi tidak melebihi RM50	20 sen	50 sen	20 sen	30 sen	RM1.20
3.	Apabila gaji melebihi RM50 tetapi tidak melebihi RM70	30 sen	80 sen	30 sen	50 sen	RM1.90
4.	Apabila gaji melebihi RM70 tetapi tidak melebihi RM100	40 sen	RM1.10	40 sen	65 sen	RM2.55
5.	Apabila gaji melebihi RM100 tetapi tidak melebihi RM140	60 sen	RM1.50	60 sen	90 sen	RM3.60
6.	Apabila gaji melebihi RM140 tetapi tidak melebihi RM200	85 sen	RM2.10	85 sen	RM1.25	RM5.05
7.	Apabila gaji melebihi RM200 tetapi tidak melebihi RM300	RM1.25	RM3.10	RM1.25	RM1.85	RM7.45
8.	Apabila gaji melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM400	RM1.75	RM4.40	RM1.75	RM2.65	RM10.55
9.	Apabila gaji melebihi RM400 tetapi tidak melebihi RM500	RM2.25	RM5.60	RM2.25	RM3.35	RM13.45
10.	Apabila gaji melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM600	RM2.75	RM6.90	RM2.75	RM4.15	RM16.55
11.	Apabila gaji melebihi RM600 tetapi tidak melebihi RM700	RM3.25	RM8.10	RM3.25	RM4.85	RM19.45
12.	Apabila gaji melebihi RM700 tetapi tidak melebihi RM800	RM3.75	RM9.40	RM3.75	RM5.65	RM22.55

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN		CARUMAN PEKERJA		JUMLAH
		KEILATAN	BENCANA KERJA	KEILATAN	BUKAN BENCANA KERJA	
13.	Apabila gaji melebihi RM800 tetapi tidak melebihi RM900	RM4.25	RM10.60	RM4.25	RM6.35	RM25.45
14.	Apabila gaji melebihi RM900 tetapi tidak melebihi RM1,000	RM4.75	RM11.90	RM4.75	RM7.15	RM28.55
15.	Apabila gaji melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM1,100	RM5.25	RM13.10	RM5.25	RM7.85	RM31.45
16.	Apabila gaji melebihi RM1,100 tetapi tidak melebihi RM1,200	RM5.75	RM14.40	RM5.75	RM8.65	RM34.55
17.	Apabila gaji melebihi RM1,200 tetapi tidak melebihi RM1,300	RM6.25	RM15.60	RM6.25	RM9.35	RM37.45
18.	Apabila gaji melebihi RM1,300 tetapi tidak melebihi RM1,400	RM6.75	RM16.90	RM6.75	RM10.15	RM40.55
19.	Apabila gaji melebihi RM1,400 tetapi tidak melebihi RM1,500	RM7.25	RM18.10	RM7.25	RM10.85	RM43.45
20.	Apabila gaji melebihi RM1,500 tetapi tidak melebihi RM1,600	RM7.75	RM19.40	RM7.75	RM11.65	RM46.55
21.	Apabila gaji melebihi RM1,600 tetapi tidak melebihi RM1,700	RM8.25	RM20.60	RM8.25	RM12.35	RM49.45
22.	Apabila gaji melebihi RM1,700 tetapi tidak melebihi RM1,800	RM8.75	RM21.90	RM8.75	RM13.15	RM52.55
23.	Apabila gaji melebihi RM1,800 tetapi tidak melebihi RM1,900	RM9.25	RM23.10	RM9.25	RM13.85	RM55.45
24.	Apabila gaji melebihi RM1,900 tetapi tidak melebihi RM2,000	RM9.75	RM24.40	RM9.75	RM14.65	RM58.55
25.	Apabila gaji melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM2,100	RM10.25	RM25.60	RM10.25	RM15.35	RM61.45

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN		CARUMAN PEKERJA		JUMLAH
		KEILATAN	BENCANA KERJA	KEILATAN	BUKAN BENCANA KERJA	
26.	Apabila gaji melebihi RM2,100 tetapi tidak melebihi RM2,200	RM10.75	RM26.90	RM10.75	RM16.15	RM64.55
27.	Apabila gaji melebihi RM2,200 tetapi tidak melebihi RM2,300	RM11.25	RM28.10	RM11.25	RM16.85	RM67.45
28.	Apabila gaji melebihi RM2,300 tetapi tidak melebihi RM2,400	RM11.75	RM29.40	RM11.75	RM17.65	RM70.55
29.	Apabila gaji melebihi RM2,400 tetapi tidak melebihi RM2,500	RM12.25	RM30.60	RM12.25	RM18.35	RM73.45
30.	Apabila gaji melebihi RM2,500 tetapi tidak melebihi RM2,600	RM12.75	RM31.90	RM12.75	RM19.15	RM76.55
31.	Apabila gaji melebihi RM2,600 tetapi tidak melebihi RM2,700	RM13.25	RM33.10	RM13.25	RM19.85	RM79.45
32.	Apabila gaji melebihi RM2,700 tetapi tidak melebihi RM2,800	RM13.75	RM34.40	RM13.75	RM20.65	RM82.55
33.	Apabila gaji melebihi RM2,800 tetapi tidak melebihi RM2,900	RM14.25	RM35.60	RM14.25	RM21.35	RM85.45
34.	Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000	RM14.75	RM36.90	RM14.75	RM22.15	RM88.55
35.	Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100	RM15.25	RM38.10	RM15.25	RM22.85	RM91.45
36.	Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200	RM15.75	RM39.40	RM15.75	RM23.65	RM94.55
37.	Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300	RM16.25	RM40.60	RM16.25	RM24.35	RM97.45
38.	Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400	RM16.75	RM41.90	RM16.75	RM25.15	RM100.55

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN		CARUMAN PEKERJA		JUMLAH
		KEILATAN	BENCANA KERJA	KEILATAN	BUKAN BENCANA KERJA	
39.	Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500	RM17.25	RM43.10	RM17.25	RM25.85	RM103.45
40.	Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600	RM17.75	RM44.40	RM17.75	RM26.65	RM106.55
41.	Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700	RM18.25	RM45.60	RM18.25	RM27.35	RM109.45
42.	Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800	RM18.75	RM46.90	RM18.75	RM28.15	RM112.55
43.	Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900	RM19.25	RM48.10	RM19.25	RM28.85	RM115.45
44.	Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000	RM19.75	RM49.40	RM19.75	RM29.65	RM118.55
45.	Apabila gaji melebihi RM4,000 tetapi tidak melebihi RM4,100	RM20.25	RM50.60	RM20.25	RM30.35	RM121.45
46.	Apabila gaji melebihi RM4,100 tetapi tidak melebihi RM4,200	RM20.75	RM51.90	RM20.75	RM31.15	RM124.55
47.	Apabila gaji melebihi RM4,200 tetapi tidak melebihi RM4,300	RM21.25	RM53.10	RM21.25	RM31.85	RM127.45
48.	Apabila gaji melebihi RM4,300 tetapi tidak melebihi RM4,400	RM21.75	RM54.40	RM21.75	RM32.65	RM130.55
49.	Apabila gaji melebihi RM4,400 tetapi tidak melebihi RM4,500	RM22.25	RM55.60	RM22.25	RM33.35	RM133.45
50.	Apabila gaji melebihi RM4,500 tetapi tidak melebihi RM4,600	RM22.75	RM56.90	RM22.75	RM34.15	RM136.55
51.	Apabila gaji melebihi RM4,600 tetapi tidak melebihi RM4,700	RM23.25	RM58.10	RM23.25	RM34.85	RM139.45

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN		CARUMAN PEKERJA		JUMLAH
		KEILATAN	BENCANA KERJA	KEILATAN	BUKAN BENCANA KERJA	
52.	Apabila gaji melebihi RM4,700 tetapi tidak melebihi RM4,800	RM23.75	RM59.40	RM23.75	RM35.65	RM142.55
53.	Apabila gaji melebihi RM4,800 tetapi tidak melebihi RM4,900	RM24.25	RM60.60	RM24.25	RM36.35	RM145.45
54.	Apabila gaji melebihi RM4,900 tetapi tidak melebihi RM5,000	RM24.75	RM61.90	RM24.75	RM37.15	RM148.55
55.	Apabila gaji melebihi RM5,000 tetapi tidak melebihi RM5,100	RM25.25	RM63.10	RM25.25	RM37.85	RM151.45
56.	Apabila gaji melebihi RM5,100 tetapi tidak melebihi RM5,200	RM25.75	RM64.40	RM25.75	RM38.65	RM154.55
57.	Apabila gaji melebihi RM5,200 tetapi tidak melebihi RM5,300	RM26.25	RM65.60	RM26.25	RM39.35	RM157.45
58.	Apabila gaji melebihi RM5,300 tetapi tidak melebihi RM5,400	RM26.75	RM66.90	RM26.75	RM40.15	RM160.55
59.	Apabila gaji melebihi RM5,400 tetapi tidak melebihi RM5,500	RM27.25	RM68.10	RM27.25	RM40.85	RM163.45
60.	Apabila gaji melebihi RM5,500 tetapi tidak melebihi RM5,600	RM27.75	RM69.40	RM27.75	RM41.65	RM166.55
61.	Apabila gaji melebihi RM5,600 tetapi tidak melebihi RM5,700	RM28.25	RM70.60	RM28.25	RM42.35	RM169.45
62.	Apabila gaji melebihi RM5,700 tetapi tidak melebihi RM5,800	RM28.75	RM71.90	RM28.75	RM43.15	RM172.55
63.	Apabila gaji melebihi RM5,800 tetapi tidak melebihi RM5,900	RM29.25	RM73.10	RM29.25	RM43.85	RM175.45
64.	Apabila gaji melebihi RM5,900 tetapi tidak melebihi RM6,000	RM29.75	RM74.40	RM29.75	RM44.65	RM178.55
65.	Apabila gaji melebihi RM6,000	RM29.75	RM74.40	RM29.75	RM44.65	RM178.55

JADUAL KETIGA : AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 (AKTA 4)

CARUMAN KATEGORI KEDUA

FASA PERTAMA: BAHAGIAN IV

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN	CARUMAN PEKERJA	JUMLAH
		BENCANA KERJA	BUKAN BENCANA KERJA	
1.	Gaji hingga RM30	30 sen	20 sen	50 sen
2.	Apabila gaji melebihi RM30 tetapi tidak melebihi RM50	50 sen	30 sen	80 sen
3.	Apabila gaji melebihi RM50 tetapi tidak melebihi RM70	80 sen	50 sen	RM1.30
4.	Apabila gaji melebihi RM70 tetapi tidak melebihi RM100	RM1.10	65 sen	RM1.75
5.	Apabila gaji melebihi RM100 tetapi tidak melebihi RM140	RM1.50	90 sen	RM2.40
6.	Apabila gaji melebihi RM140 tetapi tidak melebihi RM200	RM2.10	RM1.25	RM3.35
7.	Apabila gaji melebihi RM200 tetapi tidak melebihi RM300	RM3.10	RM1.85	RM4.95
8.	Apabila gaji melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM400	RM4.40	RM2.65	RM7.05
9.	Apabila gaji melebihi RM400 tetapi tidak melebihi RM500	RM5.60	RM3.35	RM8.95
10.	Apabila gaji melebihi RM500 tetapi tidak melebihi RM600	RM6.90	RM4.15	RM11.05
11.	Apabila gaji melebihi RM600 tetapi tidak melebihi RM700	RM8.10	RM4.85	RM12.95
12.	Apabila gaji melebihi RM700 tetapi tidak melebihi RM800	RM9.40	RM5.65	RM15.05
13.	Apabila gaji melebihi RM800 tetapi tidak melebihi RM900	RM10.60	RM6.35	RM16.95
14.	Apabila gaji melebihi RM900 tetapi tidak melebihi RM1,000	RM11.90	RM7.15	RM19.05
15.	Apabila gaji melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM1,100	RM13.10	RM7.85	RM20.95

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN	CARUMAN PEKERJA	JUMLAH
		BENCANA KERJA	BUKAN BENCANA KERJA	
16.	Apabila gaji melebihi RM1,100 tetapi tidak melebihi RM1,200	RM14.40	RM8.65	RM23.05
17.	Apabila gaji melebihi RM1,200 tetapi tidak melebihi RM1,300	RM15.60	RM9.35	RM24.95
18.	Apabila gaji melebihi RM1,300 tetapi tidak melebihi RM1,400	RM16.90	RM10.15	RM27.05
19.	Apabila gaji melebihi RM1,400 tetapi tidak melebihi RM1,500	RM18.10	RM10.85	RM28.95
20.	Apabila gaji melebihi RM1,500 tetapi tidak melebihi RM1,600	RM19.40	RM11.65	RM31.05
21.	Apabila gaji melebihi RM1,600 tetapi tidak melebihi RM1,700	RM20.60	RM12.35	RM32.95
22.	Apabila gaji melebihi RM1,700 tetapi tidak melebihi RM1,800	RM21.90	RM13.15	RM35.05
23.	Apabila gaji melebihi RM1,800 tetapi tidak melebihi RM1,900	RM23.10	RM13.85	RM36.95
24.	Apabila gaji melebihi RM1,900 tetapi tidak melebihi RM2,000	RM24.40	RM14.65	RM39.05
25.	Apabila gaji melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM2,100	RM25.60	RM15.35	RM40.95
26.	Apabila gaji melebihi RM2,100 tetapi tidak melebihi RM2,200	RM26.90	RM16.15	RM43.05
27.	Apabila gaji melebihi RM2,200 tetapi tidak melebihi RM2,300	RM28.10	RM16.85	RM44.95
28.	Apabila gaji melebihi RM2,300 tetapi tidak melebihi RM2,400	RM29.40	RM17.65	RM47.05
29.	Apabila gaji melebihi RM2,400 tetapi tidak melebihi RM2,500	RM30.60	RM18.35	RM48.95
30.	Apabila gaji melebihi RM2,500 tetapi tidak melebihi RM2,600	RM31.90	RM19.15	RM51.05
31.	Apabila gaji melebihi RM2,600 tetapi tidak melebihi RM2,700	RM33.10	RM19.85	RM52.95

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN	CARUMAN PEKERJA	JUMLAH
		BENCANA KERJA	BUKAN BENCANA KERJA	
32.	Apabila gaji melebihi RM2,700 tetapi tidak melebihi RM2,800	RM34.40	RM20.65	RM55.05
33.	Apabila gaji melebihi RM2,800 tetapi tidak melebihi RM2,900	RM35.60	RM21.35	RM56.95
34.	Apabila gaji melebihi RM2,900 tetapi tidak melebihi RM3,000	RM36.90	RM22.15	RM59.05
35.	Apabila gaji melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM3,100	RM38.10	RM22.85	RM60.95
36.	Apabila gaji melebihi RM3,100 tetapi tidak melebihi RM3,200	RM39.40	RM23.65	RM63.05
37.	Apabila gaji melebihi RM3,200 tetapi tidak melebihi RM3,300	RM40.60	RM24.35	RM64.95
38.	Apabila gaji melebihi RM3,300 tetapi tidak melebihi RM3,400	RM41.90	RM25.15	RM67.05
39.	Apabila gaji melebihi RM3,400 tetapi tidak melebihi RM3,500	RM43.10	RM25.85	RM68.95
40.	Apabila gaji melebihi RM3,500 tetapi tidak melebihi RM3,600	RM44.40	RM26.65	RM71.05
41.	Apabila gaji melebihi RM3,600 tetapi tidak melebihi RM3,700	RM45.60	RM27.35	RM72.95
42.	Apabila gaji melebihi RM3,700 tetapi tidak melebihi RM3,800	RM46.90	RM28.15	RM75.05
43.	Apabila gaji melebihi RM3,800 tetapi tidak melebihi RM3,900	RM48.10	RM28.85	RM76.95
44.	Apabila gaji melebihi RM3,900 tetapi tidak melebihi RM4,000	RM49.40	RM29.65	RM79.05
45.	Apabila gaji melebihi RM4,000 tetapi tidak melebihi RM4,100	RM50.60	RM30.35	RM80.95
46.	Apabila gaji melebihi RM4,100 tetapi tidak melebihi RM4,200	RM51.90	RM31.15	RM83.05
47.	Apabila gaji melebihi RM4,200 tetapi tidak melebihi RM4,300	RM53.10	RM31.85	RM84.95
48.	Apabila gaji melebihi RM4,300 tetapi tidak melebihi RM4,400	RM54.40	RM32.65	RM87.05

BIL.	GAJI BULANAN	CARUMAN MAJIKAN	CARUMAN PEKERJA	JUMLAH
		BENCANA KERJA	BUKAN BENCANA KERJA	
49.	Apabila gaji melebihi RM4,400 tetapi tidak melebihi RM4,500	RM55.60	RM33.35	RM88.95
50.	Apabila gaji melebihi RM4,500 tetapi tidak melebihi RM4,600	RM56.90	RM34.15	RM91.05
51.	Apabila gaji melebihi RM4,600 tetapi tidak melebihi RM4,700	RM58.10	RM34.85	RM92.95
52.	Apabila gaji melebihi RM4,700 tetapi tidak melebihi RM4,800	RM59.40	RM35.65	RM95.05
53.	Apabila gaji melebihi RM4,800 tetapi tidak melebihi RM4,900	RM60.60	RM36.35	RM96.95
54.	Apabila gaji melebihi RM4,900 tetapi tidak melebihi RM5,000	RM61.90	RM37.15	RM99.05
55.	Apabila gaji melebihi RM5,000 tetapi tidak melebihi RM5,100	RM63.10	RM37.85	RM100.95
56.	Apabila gaji melebihi RM5,100 tetapi tidak melebihi RM5,200	RM64.40	RM38.65	RM103.05
57.	Apabila gaji melebihi RM5,200 tetapi tidak melebihi RM5,300	RM65.60	RM39.35	RM104.95
58.	Apabila gaji melebihi RM5,300 tetapi tidak melebihi RM5,400	RM66.90	RM40.15	RM107.05
59.	Apabila gaji melebihi RM5,400 tetapi tidak melebihi RM5,500	RM68.10	RM40.85	RM108.95
60.	Apabila gaji melebihi RM5,500 tetapi tidak melebihi RM5,600	RM69.40	RM41.65	RM111.05
61.	Apabila gaji melebihi RM5,600 tetapi tidak melebihi RM5,700	RM70.60	RM42.35	RM112.95
62.	Apabila gaji melebihi RM5,700 tetapi tidak melebihi RM5,800	RM71.90	RM43.15	RM115.05
63.	Apabila gaji melebihi RM5,800 tetapi tidak melebihi RM5,900	RM73.10	RM43.85	RM116.95
64.	Apabila gaji melebihi RM5,900 tetapi tidak melebihi RM6,000	RM74.40	RM44.65	RM119.05
65.	Apabila gaji melebihi RM6,000	RM74.40	RM44.65	RM119.05



29 Mei 2026
29 May 2026
P.U. (B) 196

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2026

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 [*Akta A1788*], Menteri menetapkan—

- (a) 1 Jun 2026 sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa;
- (b) 1 Jun 2026 hingga 31 Mei 2028 sebagai tarikh yang tempoh kuat kuasa pemakaian “Fasa Pertama” mula berkuat kuasa;
- (c) 1 Jun 2028 hingga 31 Mei 2031 sebagai tarikh yang tempoh kuat kuasa pemakaian “Fasa Kedua” mula berkuat kuasa; dan
- (d) 1 Jun 2031 dan seterusnya sebagai tarikh yang tempoh kuat kuasa pemakaian “Fasa Ketiga” mula berkuat kuasa.

Bertarikh 25 Mei 2026

[KSM.PUU(S)600-1/2/11/2 JLD.2(5); PN(U2)3424/JLD.2]

DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN
Menteri Sumber Manusia

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (AMENDMENT) ACT 2026

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

IN exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Employees' Social Security (Amendment) Act 2026 [Act A1788], the Minister appoints—

- (a) 1 June 2026 as the date on which the Act comes into operation;
- (b) 1 June 2026 to 31 May 2028 as the dates on which the effective period of application of the "First Phase" comes into operation;
- (c) 1 June 2028 to 31 May 2031 as the dates on which the effective period of application of the "Second Phase" comes into operation; and
- (d) 1 June 2031 and onwards as the dates on which the effective period of application of the "Third Phase" comes into operation.

Dated 25 May 2026

[KSM.PUU(S)600-1/2/11/2 JLD.2(5); PN(U2)3424/JLD.2]

DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN
Minister of Human Resources



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

SOALAN – SOALAN LAZIM

SKIM LINDUNG 24 JAM / SKIM KEMALANGAN BUKAN BENCANA KERJA

A. PENGENALAN – SKIM LINDUNG 24 JAM

1. Apakah itu Skim LINDUNG 24 Jam?

Skim LINDUNG 24 Jam atau Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) merupakan skim yang memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja yang layak semasa tempoh penggajian, termasuk perlindungan bagi kemalangan yang berlaku di luar waktu kerja yang tidak berkait langsung dengan penggajiannya ataupun pekerjaannya.

2. Apakah tujuan skim ini diwujudkan?

Skim LINDUNG 24 Jam diwujudkan bagi memberikan suatu perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja-pekerja ke atas sebarang kemalangan yang berlaku ke atas mereka. Pekerja bukan sahaja menerima perlindungan keselamatan sosial akibat kemalangan bencana pekerjaan, tetapi juga kemalangan dalam bentuk atau situasi yang selain daripada pekerjaannya.

3. Apakah bentuk keselamatan sosial yang diberikan?

Bentuk keselamatan sosial yang diberikan adalah sama seperti skim PERKESO yang lain, iaitu suatu bentuk skim insuran sosial yang diwajibkan. Skim ini adalah berdasarkan kepada prinsip '*pooling of resources and sharing of risk*'; iaitu caruman yang dibuat adalah dimasukkan ke dalam suatu dana yang digunakan

untuk menyediakan faedah-faedah kepada pencarum lain yang menerima kecederaan.

4. Apakah rasional PERKESO memperkenalkan Skim LINDUNG 24 Jam?

Untuk meningkatkan keselamatan sosial pekerja dengan memberikan perlindungan 24 jam bagi melindungi pekerja daripada apa-apa kemalangan sama ada yang bersifat peribadi dan tidak berkaitan dengan pekerjaan.

Keperluan untuk melindungi pekerja apabila berlaku kemalangan yang bukan dalam masa menjalankan pekerjaannya di majikan di bawah AKSP 1969, sama ada ketika berada di rumah, di luar rumah, di premis majikan, di luar premis majikan, semasa perjalanan atau semasa bersosial, beriadah atau beraktiviti di dalam negara Malaysia semasa pekerja itu BUKAN dalam tempoh cuti tanpa gaji. Sebelum adanya Skim LINDUNG 24 Jam, kesemua kemalangan dalam situasi tidak berkaitan pekerjaan ini tidak dilindungi di bawah Skim Bencana Pekerjaan.

5. Siapakah yang layak dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Semua pekerja warga tempatan dan asing yang diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] adalah layak untuk dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam.

Semua pekerja yang diambil kerja dengan bergaji di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan dengan majikan, sama ada kontrak itu nyata atau tersirat, lisan atau bertulis, dalam atau berhubung dengan kerja sesuatu perusahaan yang Akta 4 terpakai.

6. Bagaimanakah Skim LINDUNG 24 Jam ini dapat meningkatkan kesejahteraan Malaysia?

Perlindungan sosial Skim LINDUNG 24 Jam akan memastikan keterjaminan perlindungan keselamatan sosial kepada rakyat khususnya golongan pekerja bermajikan di bawah AKSP 1969 yang berpendapatan rendah yang rata-rata mempunyai kurang keupayaan untuk memiliki insurans persendirian (*konvensional*). Ini kerana kos premium insurans konvensional yang agak tinggi berbanding kadar caruman Skim LINDUNG 24 Jam yang jauh lebih rendah dengan faedah-faedah tunai jangka pendek, jangka panjang serta faedah bukan tunai yang sangat bermanfaat untuk kesejahteraan sosial rakyat.

Menerusi perlindungan keselamatan sosial berkonsepkan insurans sosial mencakupi aspek faedah tunai sebagai gantian kehilangan pendapatan dan faedah bukan tunai yang diperlukan demi memastikan perlindungan yang komprehensif dapat diberikan kepada pekerja.

7. Berapakah had umur liputan Skim LINDUNG 24 Jam?

Tiada had umur liputan Skim LINDUNG 24 Jam selagi pekerja tersebut berstatus pekerja bermajikan.

8. Bilakah Skim LINDUNG 24 Jam akan mula berkuatkuasa?

Skim LINDUNG 24 Jam akan mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2026.

9. Apakah perbezaan diantara skim keselamatan sosial dan insurans swasta?

Skim LINDUNG 24 Jam berbeza daripada insurans kemalangan peribadi (*Personal Accident Insurance* atau *Medical Card*) kerana ia merupakan skim perlindungan keselamatan sosial yang diwajibkan di bawah PERKESO dengan caruman yang rendah dan memberi perlindungan 24 jam terhadap kemalangan bukan berkaitan pekerjaan, termasuk faedah penggantian pendapatan,

pemulihan dan perlindungan kepada tanggungan. Sebaliknya, insurans kemalangan peribadi ialah produk komersial yang menawarkan perlindungan dan pampasan yang fleksibel, namun memerlukan premium yang lebih tinggi dan dibayar secara sukarela oleh individu.

10. Berapa jangkaan jumlah pekerja yang mendapat manfaat daripada Skim LINDUNG 24 Jam?

Dijangkakan sekitar 250,000 pekerja setahun yang ditimpa kemalangan bukan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya, yang tidak dilindungi di bawah AKSP 1969 ketika ini.

B. FAEDAH-FAEDAH YANG DISEDIAKAN

11. Apakah faedah-faedah yang tersedia di bawah Skim LINDUNG 24 jam?

Faedah-faedah yang disediakan adalah sama dengan faedah yang tersedia di bawah Skim LINDUNG Pekerja. Oleh itu mana-mana pencarum yang mengalami kecederaan adalah layak untuk faedah-faedah berikut:

i. Faedah Hilang Upaya Sementara

Faedah Hilang Upaya Sementara dibayar kepada pekerja sepanjang tempoh cuti sakitnya yang diperakui oleh doktor yang merawatnya dan bagi tempoh tidak kurang daripada 4 hari termasuk hari kemalangan. Faedah ini juga akan dibayar kepada pekerja berkenaan jika hadir bekerja dan dibayar gaji.

ii. Faedah Hilang Upaya Kekal

Faedah Hilang Upaya Kekal adalah dibayar kepada pencarum yang mengalami hilang upaya berkekalan akibat daripada kecederaan yang dituntut. Taksiran kadar hilang upaya adalah ditentukan oleh Jemaah doctor dan kadar bayaran akan ditetapkan berdasarkan taksiran hilang upaya,

kadar gaji dan umur pencarum. Kaedah bayaran dan penetapan syarat bayaran yang dibuat adalah sama seperti yang ditetapkan melalui Skim Lindung Pekerja bagi bencana pekerjaan.

iii. Faedah Perubatan

Pekerja yang ditimpa Skim LINDUNG 24 Jam boleh mendapat rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO atau klinik/hospital Kerajaan sehingga pulih sepenuhnya.

Bagi kecederaan parah, rawatan mestilah diperolehi dari hospital Kerajaan dan pekerja akan diberi rawatan di wad kelas dua. Rawatan pakar akan diberi jika perlu.

Bayaran Ganti Belanja, caj rawatan yang diperolehi dari klinik bukan panel PERKESO atau hospital swasta, majikan atau pekerja boleh mengemukakan permohonan tuntutan bayaran ganti belanja dan tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan atau mengikut Akta Fi 1951, iaitu pada kadar yang sama dikenakan di hospital Kerajaan.

iv. Elaun Layanan Sentiasa

Pekerja yang menerima taksiran hilang upaya langsung yang kekal dan tidak berdaya dengan teruknya hingga sentiasa memerlukan layanan seseorang lain, layak menerima elaun ini dengan pengesyoran Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Khas atau Jemaah Doktor Rayuan.

Jumlah Elaun Layanan Sentiasa adalah ditetapkan sebanyak RM500 sebulan.

v. Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional

Kemudahan ini diberikan kepada pekerja yang layak dalam bentuk:

(a) Pemulihan jasmani termasuk:

- *Fisioterapi*
- *Terapi pekerjaan*
- *Bekalan prostetik, ortotik, implan dan lain-lain alat*
- *Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kasut khas dan lain-lain*

(b) Pemulihan vokasional dan return to work termasuk:

- *Latihan dalam bidang seperti elektrikal, jahitan, membaiki radio / TV, menaip dan lain-lain.*

Semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.

vi. Faedah Orang Tanggungan

Orang tanggungan layak menerima faedah ini sekiranya pekerja terlibat meninggal dunia akibat bencana bukan pekerjaan. Kadar dan syer orang tanggungan seperti pasangan, anak, ibu, bapa dan lain-lain adalah tertakluk kepada syarat yang sama seperti digariskan di dalam Skim Lindung Pekerja.

vii. Faedah Pengurusan Mayat

Amaun sebanyak RM3,000 akan dibayar sekiranya seseorang pekerja meninggal dunia akibat bencana bukan pekerjaan atau semasa menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal. Pembayaran faedah akan dibuat kepada waris-waris yang layak. Sekiranya tiada waris, faedah akan dibayar kepada pihak yang menanggung segala perbelanjaan pengebumian itu.

Bayaran sebanyak RM3,000 akan dibayar kepada balu, duda, anak, ibu dan/ atau bapa. Jika tiada, bayaran mengikut perbelanjaan sebenar berdasarkan resit tertakluk pada kadar maksimum RM3,000 boleh dibayar kepada pihak yang menguruskan jenazah berkenaan.

viii. Faedah Pendidikan

Faedah Pendidikan merupakan suatu kemudahan dalam bentuk pinjaman disediakan kepada anak tanggungan sekiranya orang berinsurans:

(a) Meninggal dunia akibat bencana pekerjaan; atau

(b) Menerima bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal

Permohonan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan PERKESO.

12. Adakah pemegang polisi/ kad insurans persendirian atau polis perubatan daripada majikan layak mendapat faedah Skim LINDUNG 24 Jam?

Faedah Skim LINDUNG 24 Jam layak diperolehi oleh pekerja yang mengalami kemalangan dan diperakui hilang upaya tanpa mengira sama ada pekerja itu mempunyai insurans atau kad perubatan persendirian daripada penyedia insurans lain atau daripada pihak majikannya.

13. Apakah jenis kemalangan yang diliputi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Kemalangan yang diliputi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam adalah kemalangan yang bukan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan. Selain itu, kemalangan tersebut hendaklah berlaku dalam Malaysia di luar waktu bekerja termasuk kemalangan dalam perjalanan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

Insiden yang dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam adalah kemalangan di rumah, kemalangan jalan raya di luar perjalanan kerja, kecederaan semasa aktiviti peribadi dan insiden-insiden lain yang tidak berkaitan pekerjaan.

Contoh senario kemalangan yang mengakibatkan kecederaan dan diperakui hilang upaya kepada pekerja yang dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam:

- i. Kemalangan ketika balik ke kampung halaman atau kembali semula ke tempat penginapan dalam musim perayaan yang melibatkan individu yang berstatus pekerja secara bersendirian atau bersama keluarga atau rakan.*
- ii. Kemalangan ketika membawa keluarga bercuti atau bersiar-siar di mana sahaja dalam negara Malaysia.*
- iii. Kemalangan terjatuh dari tempat tidur (katil) di rumah.*
- iv. Kemalangan ketika bersiap atau sedang melakukan ibadah keagamaan sama ada ketika di Lokasi ibadah atau dalam perjalanan.*
- v. Kemalangan disondol binatang atau tercedera ketika ibadat qurban.*
- vi. Kemalangan ketika perjalanan semula ke tempat kerja atau ke tempat tinggal bagi mengambil barang peribadi yang tertinggal.*
- vii. Semasa menjalankan aktiviti riadah atau acara sukan persendirian, contohnya berbasikal dan bermain bolasepak dan sebagainya.*

- viii. *Kemalangan ketika membaiki kerosakan di rumah sendiri atau di mana sahaja yang tidak merupakan pekerjaan yang menjanakan pendapatata penggajiannya.*
- ix. *Apa-apa kemalangan berbentuk peribadi dan tidak berkaitan pekerjaan di bawah AKSP 1969.*

14. Apakah kemalangan yang TIDAK diliputi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Skim LINDUNG 24 Jam ini semestinya bertujuan memberikan perlindungan secara komprehensif kepada pekerja. Namun begitu, senario kemalangan atau penyakit yang disenaraikan di bawah tidak diliputi, iaitu:

- i. *Kemalangan yang diperakukan sebagai Bencana Pekerjaan di bawah Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah.*
- ii. *Kemalangan yang disabitkan penipuan (fraud).*
- iii. *Kemalangan yang melibatkan perbuatan jenayah.*
- iv. *Kemalangan mencederakan diri sendiri (self-inflicted) atau membunuh diri.*
- v. *Kemalangan ke atas pekerja asing yang berada di Malaysia yang menyalahgunakan pas atau permit atau sebarang aktiviti bukan berkaitan pekerjaan sah yang bercanggah dengan syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.*
- vi. *Kemalangan ketika dalam tempoh cuti tanpa gaji dan tidak mencarum Skim LINDUNG 24 Jam pada bulan kemalangan itu, **melainkan** bagi hal keadaan seperti berikut:*
 - (a) *Pekerja yang mengambil cuti tanpa gaji atau tidak hadir bekerja yang tidak dibayar gaji dalam tempoh singkat yang mana status perkhidmatannya masih aktif atau tidak terjejas bagi bulan*

kemalangan itu. Cuti tanpa gaji atau tidak hadir bekerja dalam tempoh singkat merujuk kepada cuti atau tidak hadir bekerja tanpa gaji harian, iaitu pekerja yang bekerja dengan bayaran gaji harian dan mengambil cuti tanpa gaji atau tidak hadir bekerja pada hari-hari tertentu tanpa bayaran gaji.

- (b) Pekerja dalam tempoh cuti bagi menghabiskan baki cuti rehat tahunan atau mengambil cuti penghujung perkhidmatan bagi tujuan persaraan atau penamatan perkhidmatan.*
 - (c) Pekerja yang dijadualkan bertugas tetapi tidak hadir bertugas atas urusan peribadi yang tidak menjejaskan status perkhidmatannya.*
- vii. Namun, jika tidak hadir bertugas yang menjejaskan status perkhidmatan pekerja itu yang membawa kepada pemecatannya dan tiada caruman Skim LINDUNG 24 Jam pada bulan berkenaan, tiada kelayakan faedah boleh dibenarkan.*
 - viii. Kemalangan ketika belum lagi berstatus pekerja dalam mana-mana perusahaan yang tertakluk di bawah AKSP 1969.*
 - ix. Kemalangan selepas tarikh 15 Julai 2026 dan pekerja tidak mencarum atau tiada bukti caruman dalam Skim LINDUNG 24 Jam, walaupun pekerja itu berstatus pekerja aktif di bawah AKSP 1969.*
 - x. Kemalangan terbit sebelum masa dan tarikh berkuatkuasa Skim LINDUNG 24 Jam, iaitu sebelum pukul 12:00 tengah malam (00:00 jam) 1 Jun 2026.*
 - xi. Apa-apa penyakit atau kecederaan yang tidak berkait dengan kemalangan termasuk penyakit khidmat.*

15. Adakah skim ini melindungi kemalangan semasa bekerja?

Tidak.

Skim LINDUNG 24 Jam tidak melindungi kemalangan semasa bekerja. Kemalangan semasa bekerja atau kemalangan yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaan adalah dilindungi di bawah Skim Bencana Pekerjaan.

16. Adakah kemalangan yang berlaku sebelum tarikh kuat kuasa Skim LINDUNG 24 Jam akan turut dilindungi?

Tidak.

Kemalangan yang berlaku sebelum tarikh kuat kuasa tidak akan dilindungi. Skim ini hanya melindungi kemalangan yang berlaku mulai dan selepas tarikh kuat kuasa.

17. Adakah perlindungan diberikan jika kemalangan berlaku di luar Malaysia?

Tidak.

Tiada perlindungan sekiranya kemalangan yang berlaku merupakan kemalangan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan ketika pekerja berada di luar Malaysia.

18. Adakah tuntutan faedah di bawah Skim LINDUNG 24 Jam boleh dibuat oleh orang lain selain pekerja apabila pekerja tidak dapat membuat tuntutan sendiri akibat kemalangan?

Boleh.

Tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh PERKESO.

- 19. Adakah majikan berhak membuat apa-apa tuntutan ke atas faedah Hilang Upaya Sementara yang diterima oleh pekerja di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?**

Tidak berhak.

- 20. Adakah pekerja layak membuat apa-apa tuntutan berkaitan dengan kemalangan yang dialami semasa melakukan perbuatan jenayah?**

Tidak.

Sekiranya didapati bahawa kemalangan yang menimpa pekerja adalah disebabkan oleh aktiviti jenayah pekerja itu atau *self-inflicted*, pekerja itu tidak layak untuk menuntut apa-apa faedah di bawah Skim LINDUNG 24 Jam.

- 21. Adakah majikan boleh membuang kerja, memberhentikan atau mengurangkan atau menghukum pekerja dalam tempoh beliau menerima Faedah Hilang Upaya Sementara di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?**

Majikan adalah tertakluk kepada apa-apa peruntukan undang-undang berkenaan dengan kontrak perkhidmatan sebelum mengambil tindakan membuang kerja, memberhentikan atau mengurangkan atau menghukum pekerja sekiranya pekerja sedang menerima apa-apa faedah dibawah Skim LINDUNG 24 Jam.

- 22. Adakah pekerja berhak mendapat faedah di bawah Skim Bencana Kerja dan Skim LINDUNG 24 Jam bagi kemalangan atau hilang upaya yang sama?**

Tidak.

Pekerja hanya layak menerima satu faedah saja bagi kemalangan yang sama.

- 23. Bagaimana permohonan tuntutan faedah boleh dibuat?**
Permohonan faedah boleh dibuat di Portal LINDUNG Faedah <https://lindungfaedah.perkeso.gov.my/> atau hadir ke pejabat PERKESO berhampiran. Dokumen sokongan yang ditetapkan hendaklah disertakan ketika membuat permohonan.

C. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN, PEKERJA DAN BAYARAN CARUMAN

- 24. Adakah majikan perlu mendaftarkan pekerja mereka untuk perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam?**

Bagi pekerja sedia ada di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 (Akta 4), majikan tidak perlu membuat pendaftaran semula di bawah Skim LINDUNG 24 Jam kerana pekerja ini adalah didaftarkan secara automatic. Bagi pekerja yang baharu diambil bekerja mulai dan selepas tarikh kuat kuasa Skim LINDUNG 24 Jam, majikan wajib mendaftarkan pekerja tersebut melalui saluran pendaftaran yang ditetapkan.

- 25. Siapa yang bertanggungjawab membayar caruman dan berapakah kadar caruman Skim LINDUNG 24 Jam?**

Caruman Skim LINDUNG 24 Jam ditanggung sepenuhnya oleh pekerja itu sendiri. Kadar caruman adalah berdasarkan fasa pelaksanaan seperti berikut:

- i. 0.75 peratus untuk Fasa Pertama (1 Jun 2026 hingga 31 Mei 2028),*
- ii. 1.00 peratus untuk Fasa Kedua (1 Jun 2028 hingga 31 Mei 2031),*
- iii. 1.25 peratus untuk Fasa Ketiga (mulai 1 Jun 2031),*

Daripada gaji bulanan tertakluk kepada had siling gaji RM6,000 pada ketika ini. Pelaksanaan kadar caruman secara berperingkat ini adalah tertakluk kepada ketetapan dan tarikh kuat kuasanya. Kadar caruman Skim LINDUNG 24 Jam

boleh dirujuk di Jadual Ketiga, Kadar Caruman, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 [Akta A1788].

26. Apakah takrif gaji bagi Skim LINDUNG 24 Jam?

Takrif gaji adalah sama seperti Seksyen 2(24) Akta 4 yang merujuk kepada semua saraan yang kena dibayar kepada pekerja termasuk apa-apa bayaran berkenaan dengan cuti, kelepasan, lebih masa dan kerja tambahan pada hari kelepasan kecuali:

- i. Caruman statutory, contohnya Kumpulan Wang Pencen, Kumpulan Wang Simpanan atau caruman di bawah Akta 4;*
- ii. Elaun perjalanan atau nilai konsesi perjalanan;*
- iii. Bayaran belanja khas pekerja yang dilakukan hasil daripada pekerjaannya;*
- iv. Ganjaran berhenti kerja atau bersara;*
- v. Bonus tahunan;*
- vi. Apa-apa saraan lain yang ditetapkan oleh YB Menteri Sumber Manusia melalui peraturan-peraturan.*

27. Adakah caruman Skim LINDUNG 24 Jam mandatori?

Ya.

Caruman Skim LINDUNG 24 Jam adalah mandatori kepada semua pekerja termasuk pekerja tempatan dan pekerja asing, yang tertakluk di bawah peruntukan Akta 4.

28. Adakah majikan turut menyumbang caruman Skim LINDUNG 24 Jam?

Tidak.

Majikan tidak menyumbang caruman bagi Skim LINDUNG 24 Jam kerana caruman ini ditanggung sepenuhnya oleh pekerja.

29. Mengapakah majikan tiada sumbangan untuk Skim LINDUNG 24 Jam?

Majikan telah menyumbang caruman bagi perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan sebanyak 1.25 peratus yang melindungi pekerja terhadap kemalangan berkaitan pekerjaan termasuklah kemalangan pergi dan balik kerja (*commuting accident*). Perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam merupakan perlindungan kepada pekerja bagi kemalangan bersifat peribadi yang tidak berkaitan dengan penggajian.

30. Berapakah jumlah kadar caruman syer majikan dan pekerja yang perlu dibayar kepada PERKESO dengan pelaksanaan Skim LINDUNG 24 Jam?

Dengan pelaksanaan Skim LINDUNG 24 Jam, pada Fasa Pertama, jumlah kadar caruman yang perlu dibayar oleh majikan dan pekerja adalah seperti berikut :

Syer	Skim Bencana Pekerja	Skim LINDUNG 24 Jam	Skim Keilatan	Jumlah
Majikan	1.25%	-	0.5%	1.75%
Pekerja	-	0.75%	0.5%	1.25%

31. Apakah tanggungjawab majikan bagi caruman Skim LINDUNG 24 Jam?

Majikan bertanggungjawab membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam daripada gaji pekerja dan membayarnya kepada PERKESO setiap bulan.

32. Bagaimanakah caruman Skim LINDUNG 24 Jam dibayar kepada PERKESO?

Caruman Skim LINDUNG 24 Jam dibayar oleh majikan bagi pihak pekerja sebagaimana potongan caruman PERKESO sedia ada. Caruman akan dipotong daripada gaji pekerja mengikut kadar yang ditetapkan oleh PERKESO, dan majikan akan membayar caruman tersebut kepada PERKESO selagi pekerja masih bekerja dengan majikan berkenaan.

33. Bagaimanakah bayaran caruman boleh dibuat kepada PERKESO?

Pembayaran caruman PERKESO boleh dibuat melalui saluran-saluran berikut :

- i. Portal ASSIST 2.0 (Bayaran secara FPX);*
- ii. Direct Debit Authorisation (DDA);*
- iii. Pembayaran di kaunter Bank (majikan perlu membawa cetakan ACR semasa hadir di kaunter bank yang dilantik sahaja).*

Panel Bank yang dilantik;

(a) Maybank

(b) RHB Bank (Tunai sahaja)

(c) Public Bank

- iv. Perbankan Internet.*

34. Bilakah bayaran caruman Skim LINDUNG 24 Jam berkuatkuasa?

Skim LINDUNG 24 Jam berkuat kuasa mulai caruman bulan Jun 2026. Pembayaran caruman bagi bulan tersebut hendaklah dibuat selewat-lewatnya

pada 15 Julai 2026. Bagi caruman bulan-bulan seterusnya, pembayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 15 hari bulan bulan berikutnya.

35. Apakah yang akan berlaku jika majikan gagal membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam pekerja?

Majikan yang gagal mematuhi arahan pemotongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam boleh dikenakan tindakan undang-undang atau penalti mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

36. Adakah majikan diberikan tempoh penangguhan (*grace period*) untuk caruman Skim LINDUNG 24 Jam ini?

PERKESO akan memberikan tempoh penangguhan (*grace period*) selama enam (6) bulan kepada majikan selepas Skim LINDUNG 24 Jam dikuat kuasakan. Dalam tempoh penangguhan ini, majikan adalah dikecualikan daripada sebarang penalti atau tindakan undang-undang berkaitan ketidakpatuhan terhadap caruman Skim LINDUNG 24 Jam. Walau bagaimanapun, ketidakpatuhan lain di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa adalah masih terpakai.

37. Adakah pekerja kontrak atau sambilan layak untuk dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Ya.

Pekerja kontrak atau sambilan layak dicarumkan di bawah Skim LINDUNG 24 Jam selagi mereka didaftarkan dan mencarum dengan PERKESO serta memenuhi syarat kelayakan.

38. Adakah pekerja yang bekerja sendiri layak untuk dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam?

Tidak.

Pekerja yang bekerja sendiri tidak dilindungi di bawah Skim LINDUNG 24 Jam. Golongan bekerja sendiri mempunyai skim perlindungan berasingan dan perlu membuat pendaftaran dan mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri [Akta 789].

39. Bagaimanakah cara untuk pekerja membuat semakan status caruman?

Pekerja boleh membuat semakan status caruman PERKESO melalui Portal PRIHATIN <https://prihatin.perkeso.gov.my/> atau Aplikasi PRIHATIN atau hubungi Talian Pusat Panggilan PERKESO 1300 22 8000 atau hadir ke pejabat PERKESO berhampiran.

40. Bagaimana jika seseorang pekerja itu mempunyai lebih dari satu majikan?

Pekerja yang mempunyai lebih daripada satu majikan hendaklah memilih satu majikan untuk caruman Skim LINDUNG 24 Jam melalui cara yang akan dimaklumkan oleh PERKESO. Namun, sekiranya pekerja tidak membuat pilihan majikan yang akan membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam, maka PERKESO akan melaksanakan mekanisme automatik bagi menetapkan majikan yang akan membuat potongan caruman Skim LINDUNG 24 Jam berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

- 41. Jika seseorang pekerja mempunyai dua pekerjaan dengan dua majikan yang berbeza, adakah perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam beliau akan bertindih?**

Tidak.

Perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam bagi pekerja tersebut tidak bertindih. Hanya satu majikan sahaja yang layak membuat potongan caruman Skim Lindung 24 Jam, berdasarkan pilihan majikan yang ditetapkan oleh pekerja.

- 42. Bagaimana jika majikan tidak membuat potongan caruman bagi pihak pekerja?**

Pekerja boleh membuat aduan kepada PERKESO untuk siasatan lanjut.

- 43. Adakah tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas majikan yang tidak membuat potongan caruman bagi pihak pekerja?**

Ya.

Tindakan penguatkuasaan akan diambil seperti kuasa memeriksa dan menggeledah premis majikan serta pemeriksaan mana-mana orang yang berkaitan.

- 44. Apakah penalti dikenakan kepada majikan sekiranya tidak membuat potongan caruman kepada Skim LINDUNG 24 Jam?**

Ya.

Jika disabitkan kesalahan, majikan boleh dikenakan pemenjaraan selama tempoh sehingga dua tahun, atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali.

D. PERTANYAAN LANJUT

45. Siapakah yang boleh dihubungi untuk pertanyaan lanjut?

Pertanyaan boleh diajukan terus kepada Talian Pusat Panggilan PERKESO 1300 22 8000 atau hadir ke pejabat PERKESO yang berhampiran.